

# Tunaikan Kewajiban terhadap Ibu Bapa



▣ Fahimah Ali Hassan

**K**edudukan ibu bapa dalam kehidupan anak-anak telah dimaterikan oleh Allah SWT sejak azali lagi. Dia yang Maha Agung memerintahkan supaya setiap yang bergelar anak wajib mentaati dan berbakti kepada ibu dan bapanya. Walau siapa pun ibu dan bapa kita sama ada mereka orang yang taat kepada Allah SWT ataupun pelaku maksiat sekalipun, kewajipan terhadap mereka tidak akan gugur sama sekali.

Kita dilarang berperang dengan ibu bapa walaupun mereka melakukan kejahatan. Hal ini ialah undang-undang alam yang tidak boleh kita engkari sejak azali hingga hari akhirat. Firman Allah SWT yang bermaksud, “Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa.” (*Surah al-Isra’* 17:23). Berdasarkan ayat tersebut, Allah SWT meletakkan perintah mentaati dan berbuat baik terhadap ibu bapa selepas tuntutan kewajipan menyembah-Nya. Keutamaan mentaati dan berbakti kepada ibu bapa mendahului ketaatan dan perintah wajib Allah SWT yang lain.

Menderhakai ibu bapa merupakan satu dosa besar sebagaimana yang dijelaskan dalam sebuah hadis yang bermaksud, “Sesungguhnya Allah mengharamkan atas kalian derhaka kepada kedua-dua

orang tua, tidak suka memberi namun suka meminta, dan menguburkan anak perempuan.” (Hadis riwayat al-Bukhari). Dalam satu hadis yang lain pula, Rasulullah SAW menyebutkan tentang dosa besar atau Baginda ditanya tentang dosa besar, lalu Baginda menjawab, “Menyekutukan Allah, membunuh jiwa dan derhaka kepada kedua-dua orang tua.” (Hadis riwayat al-Bukhari, no. 5520).

## Kewajipan anak terhadap ibu bapa

Terdapat lima kewajipan seorang anak terhadap ibu bapanya. Pertama, jangan berkata kepada mereka dengan perkataan yang kasar sekalipun dengan menyebut “oh” atau “ah”. Apatah lagi dengan bahasa kasar yang lebih teruk lagi seperti mencaci dan menghina. Kedua, jangan menengking atau mengherdik mereka. Perbuatan ini akan menyebabkan mereka tersinggung dan berasa hati,



**Allah SWT telah menjanjikan pelbagai kebaikan dan keberkatan hidup kepada anak yang menabur bakti kepada ibu bapanya. Semakin tinggi ketaatan dan kebaikan seorang anak kepada ibu bapanya, semakin tinggi penjagaan dan kebaikan yang Allah akan berikan kepada diri anak dan ahli keluarganya.**

apatah lagi dalam usia mereka yang telah lanjut. Pada usia sebegini, perasaan mereka sangat sensitif dan sangat memerlukan perhatian daripada anak-anak. Ketiga, berkatalah kepada mereka dengan perkataan yang baik dan mulia. Ucapan yang baik akan menggembirakan hati mereka tatkala mereka berasa sangat lemah. Keempat, hendaklah seorang anak merendahkan diri di hadapan mereka. Hormatilah mereka dengan kasih sayang dan belas kasihan. Letakkan mereka pada kedudukan yang tinggi pada mata dan hati kita. Tunaikan segala hajat yang mereka inginkan jika ada kemampuan. Kelima,

berdoa untuk mereka agar Allah SWT mengampuni dosa dan kesalahan mereka serta mengasihi mereka sebagaimana mereka telah membesarkan, mendidik dan mencurahkan kasih sayang yang tidak berbelah bahagi kepada kita.

Berdoalah untuk ibu bapa bukan sahaja ketika mereka masih hidup, tetapi juga setelah mereka meninggal dunia. Doa yang dipohonkan buat mereka akan mengalirkan pahala berterusan buat kedua-duanya hingga hari akhirat. Inilah janji Allah SWT yang dihabarkan melalui sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, "Jika anak Adam meninggal, maka amalnya terputus kecuali tiga perkara,

sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat, dan doa anak yang soleh kepada ibu bapanya yang telah meninggal dunia." (Hadis riwayat Muslim, no. 3084).

#### **Pengabaian terhadap ibu bapa**

Allah SWT sangat murka kepada anak yang tidak mengambil berat tentang urusan orang tuanya dan menghantar mereka ke rumah penjagaan orang tua. Di Malaysia, statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat mendapati bahawa isu pengabaian anak terhadap ibu bapa semakin meningkat saban hari. Pengabaian ini bukan sahaja dari segi tidak menjaga dan memberikan nafkah hidup, malahan melibatkan pengabaian terhadap kos rawatan terhadap penyakit kronik yang dihadapi oleh mereka. Hal ini terbukti apabila wujudnya rumah penjagaan orang tua yang semakin meningkat ibarat cendawan tumbuh selepas hujan. Menurut kajian, antara sebab pengabaian terhadap orang tua disebabkan beberapa perkara. Antaranya termasuklah masalah kewangan dan kesusahan hidup, tandusnya nilai-nilai agama dan kesibukan mengejar kemewahan hidup.

Allah SWT telah menjanjikan pelbagai kebaikan dan keberkatan hidup bagi anak yang menabur bakti kepada ibu bapanya. Semakin tinggi ketaatan dan kebaikan seorang anak terhadap ibu bapanya, semakin tinggi penjagaan dan kebaikan yang Allah SWT akan berikan kepada diri anak dan ahli keluarganya.

Allah SWT juga telah menjanjikan kepada anak yang berbakti kepada ibu

bapa dengan balasan yang baik sama ada di dunia mahupun di akhirat, antaranya termasuklah akan dipanjangkan umurnya. Hal demikian ini boleh difahami berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud, “Barang siapa yang suka untuk dipanjangkan umurnya dan ditambahkan rezekinya, maka berbaktilah kepada kedua-dua orang tuanya dan jalinlah hubungan dengan kerabatnya (silaturahim). (Hadis riwayat Muslim, no. 4639).

### Berbakti kepada ibu bapa

Kunci kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat bagi seseorang anak adalah apabila dia berbakti kepada kedua ibu bapanya. Hari ini banyak orang yang mengalami keresahan dan kegusaran dalam hidup. Antara puncunya termasuklah kerana mengabaikan dan menderhakai ibu bapa. Tidak bermanfaat ibadat yang banyak jika menderhakai ibu bapa. Allah SWT menolak ibadat seseorang anak yang menderhakai kedua-duanya walaupun dia seorang yang banyak bersolat, berqiamullail dan berpuasa.

Keredaan Allah SWT terletak pada keredaan ibu dan bapa. Setiap anak perlu melalui pintu reda ibu bapa terlebih dahulu sebelum meraih keredaan Allah SWT. Hal ini bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, “Reda Allah terletak pada reda seorang bapa. Murka Allah terletak pada murka bapanya.” (Hadis riwayat al-Tirmidzi, no. 1821).

Dosa derhaka kepada ibu bapa amat berat dan akan



Rebutlah peluang yang masih ada untuk terus berbakti kepada ibu bapa.

disegerakan balasannya oleh Allah SWT ketika di dunia ini lagi. Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud, “Setiap dosa akan dilewatkan oleh Allah hukumannya mengikut kehendak-Nya hingga hari kiamat kecuali derhaka kepada ibu bapa. Maka itu, sesungguhnya Allah akan menghukumkan kepada pelakunya semasa hidup sebelum kematian lagi.” (Hadis riwayat al-Hakim, no.7263).

Islam menganjurkan kepada setiap anak agar melangsaikan hutang bagi pihak ibu bapa jika mereka berhutang ketika masih hidup, tidak kira hutang dengan Allah SWT atau sesama manusia. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, “Telah datang kepada Rasulullah SAW seorang lelaki dan berkata: ‘Wahai Rasulullah! Sesungguhnya ibuku telah meninggal dunia dan ke atasnya pusaka (meninggalkan puasa). Adakah aku perlu qada puasa bagi pihaknya?’ Rasulullah SAW bersabda, ‘Ya, kerana hutang dengan Allah lebih berhak untuk ditunaikannya.’ (Hadis riwayat al-Bukhari, no. 1953). Mudah-mudahan hutang yang kita jelaskan itu akan menyelamatkan mereka daripada azab kubur.

Selain itu, kita juga boleh bersedekah dan niatkan pahala sedekah tersebut untuk arwah ibu bapa kita. Begitu juga dengan bacaan al-Quran yang kita baca boleh disedekahkan pahala bacaan itu kepada mereka. Mudah-mudahan pahala ibadat yang kita lakukan itu akan sampai dan diterima di sisi Allah SWT. Hal demikian

ini boleh difahami melalui hadis Rasulullah SAW yang bermaksud, “Sesungguhnya ibuku telah meninggal dunia dan belum sempat dia berwasiat. Maka bolehkah aku bersedekah untuknya? Baginda SAW menjawab: Ya!” (Hadis riwayat al-Nasa’i, no. 3654).

Sebagai kesimpulan, ibu bapa merupakan anugerah istimewa buat semua manusia. Berbakti kepada kedua-duanya menjadi kunci syurga bagi seorang anak. Beruntunglah orang yang masih mempunyai ibu bapa atau seorang daripada mereka. Rebutlah peluang yang masih ada untuk terus menabur bakti dan berkhidmat kepada mereka. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, “‘Kehinaan, kehinaan, kehinaan.’ Baginda ditanya: ‘Siapakah (yang engkau maksudkan) wahai Rasulullah?’ Rasulullah menjawab; ‘Sesiapa sahaja yang mempunyai orang tuanya ketika sudah lanjut usia, seorang atau kedua-duanya namun tidak (menjadikannya sebab) masuk syurga.’ (Hadis riwayat Muslim, no.4627). Bagi orang telah kehilangan ibu bapa, marilah kita terus menjadi anak yang soleh dan solehah yang tidak putus mengalirkan pahala buat mereka di akhirat kelak. ❷